

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED BAYAM**Standard FAMA : FS019 – 2001****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Bayam Hijau atau nama botaninya *Amaranthus sp.* yang dipasarkan.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud :

- 2.1 *Varieti yang sama* - Mempunyai ciri yang sama dari segi rupa bentuk dan warna di dalam satu-satu lot.
- 2.2 *Perapian* – Membuang daun dan cabang yang berwarna kekuning-kuningan, reput, kering dan rosak yang paling hampir dengan akar yang menjejaskan keseluruhan rupa.
- 2.3 *Segar* - Bayam mempunyai batang yang berbentuk lurus, berdaun tegak berwarna hijau tua dan tidak layu atau kecut.
- 2.4 *Kotor* - Bayam yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan iaitu tanah, sarang serangga, daun mati, rumput, sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.5 *Kecacatan* – Bayam yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa iaitu kotor, cacat dan cacat rupa.
 - 2.5.1 *Cacat* - Bayam yang bentuknya tidak normal atau sempurna bengkok serta bercabang-cabang.
 - 2.5.2 *Cacat Rupa* - Bayam yang mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik, karat, nyahwarna luar biasa dan kesan parut yang tidak boleh dibersihkan. Kesan ini meliputi lebih 10% keseluruhan rupa.
- 2.6 *Rosak* - Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh kerosakan semula jadi, serangga perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti .

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Agak bebas daripada rosak disebabkan kecederaan mekanikal dan fisiologi, serangga, penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.2 Telah mencapai peringkat kematangan seperti yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.3 Bayam hijau yang telah dibuat perapian (trimming) minimum.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Bayam dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Bayam dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, batang yang lurus dan baik bentuk daunnya, segar dan bersih. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar ≤ 5% Rosak ≤ 5% Kecacatan ≤ 5% Keseragaman saiz ≤ 5%
1	Bayam dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, batang yang lurus dan baik bentuk daunnya, segar dan bersih. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar ≤ 5% Rosak ≤ 5% Kecacatan ≤ 10% Keseragaman saiz ≤ 10%
2	Bayam dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, batang yang lurus dan baik bentuk daunnya, segar dan bersih. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar ≤ 10% Rosak ≤ 10% Kecacatan ≤ 10% Keseragaman saiz ≤ 10%

- 4.2 Bagi Bayam, saiz ditentukan oleh panjang dalam unit sentimeter (cm) sepertimana jadual berikut:-

Saiz	Kod	Panjang (cm)
Besar	L	> 50
Sedang	M	35 - 50
Kecil	S	< 35

Rujukan Standard : Specification For Fresh Spinach MS: 1362 (1994)

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Bayam daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh:
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.